

## OPEN CALL PANGGILAN TERBUKA

**Kuala Lumpur Biennale 2020** adalah satu program Biennale kali ke-2 yang diselenggara dan dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Program Kuala Lumpur Biennale pada kali ini, perancangan dan perlaksanaan program adalah di terajui dari program Kuala Lumpur Biennale yang pertama, yang memberi fokus kepada struktur Biennale di Kota (City Biennale). Pameran dan program yang dirancang untuk Kuala Lumpur Biennale 2020 kali ini juga adalah bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020. Berdasarkan program 'Route to KL Biennale 2020' yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019, Balai Seni Negara berharap Kuala Lumpur Biennale kali kedua ini dapat diraikan di peringkat tempatan dan juga antarabangsa.

Tema yang dibawa untuk Kuala Lumpur Biennale 2020 adalah; Tanah Air (Sa)Udara yang merupakan elemen penghubung manusia dan karektor alam yang mempunyai bentuk muka bumi bergunung ganang, lembah yang luas, aliran sungai dan pulau-pulau yang dikelilingi lautan. Elemen ini menjadi tunjang kepada kehidupan sosial, ekonomi dan politik masyarakatnya. Kebijaksanaan mentafsir unsur ini datang dari kesedaran pentingnya perhubungan setiap satu dengan yang lain, apakah yang ada disekeliling, apakah pengajaran dari masa lalu, dan seterusnya kepentingan apakah yang hendak dibangkitkan sekarang ditempat ini.

Seperti sedia maklum, Kuala Lumpur Biennale 2020 merupakan kemuncak acara seni yang berprestij dalam seni visual yang melibatkan pengkarya seni tempatan dan juga antarabangsa. Pameran dan aktiviti seni ini turut akan diraikan bersama di beberapa ruang awam di Kuala Lumpur, galeri-galeri seni dan juga beberapa universiti seni yang terpilih. Acara seni kali ini turut melibatkan kerjasama dengan Malaysia Airport Berhad (MAHB) turut memberi peluang beberapa karya yang akan dipamerkan di 5 lapangan terbang antarabangsa.

### KUL Biennale : Tanah Air (Sa)Udara

'KUL' di KUL Biennale 2020 merujuk sebagai kod penerbangan untuk Kuala Lumpur yang mencerminkan perkongsian antara Balai Seni Negara dan Malaysia Airports Holdings Berhad. Diilhamkan oleh perkongsian ini, udara (sambungan melalui udara) dimasukkan ke dalam tema. (Sa) diletakkan selepas perkataan air yang apabila digabungkan menjadi Saudara, diterjemahkan secara longgar kepada 'persaudaraan' yang merujuk kepada hubungan kita dengan tanah dan kehidupan rakyat dalam lingkungan kita, dan Asia Tenggara'.

Inspirasi tema ini memfokuskan tentang kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar, sosial budaya dan politik, mengundang semula makna dan konsep ruangan yang disediakan oleh sempadan geografi dan politik atau tanah, air dan ruang udara.

### OBJEKTIF

- Menawarkan platform bertaraf antarabangsa kepada pengkarya seni tempatan dalam bersama-sama meraikan pameran biennale di ruang galeri Balai Seni Negara.
- Menjemput pengkarya tempatan menerokai tema biennale dengan hubungan silang budaya, sejarah dan persekitaran setempat.
- Menyokong inovasi kreatif dalam pembentukan karya seni.
- Menawarkan peluang mempamerkan karya seni dalam acara seni yang berprestij tinggi.

### TERMA DAN SYARAT

1. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan bermauastatin di Malaysia.
2. Borang Penyertaan yang lengkap dan proposal karya mesti disertakan.
3. Semua penyertaan akan melalui sesi perbincangan dan pemilihan oleh kumpulan kuratorial Kuala Lumpur Biennale dan Jawatankuasa Kuala Lumpur Biennale 2020, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Karya yang terpilih akan dimaklumkan melalui surat/ email/ telefon dan akan disertakan surat jemputan pameran beserta surat setuju terima.
4. Penyertaan adalah percuma. Borang boleh didapati di Balai Seni Negara atau dimuat turun di laman web: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

### PENGHANTARAN KERTAS KERJA

Penghantaran Borang Penyertaan dan Proposal yang mengandungi satu (1) cadangan karya akhir dalam bentuk softcopy dan hardcopy.

Tarikh Tutup Permohonan:  
**28 Februari 2020** (sebelum jam 6pm)

### Terma dan syarat:

1. Proposal dan CV lengkap mengandungi latar belakang pendidikan, pengalaman dan pameran serta aktiviti pelukis.
2. Penyertaan/ proposal perlu berukuran kertas A4 (21 x 29.7cm) dan bahan rujukan yang bercetak/ dibukukan adalah diterima.
3. Setiap bahan penyertaan hendaklah dilabel dengan jelas, nama, tajuk, tahun, bahan dan penyataan karya. Penyertaan dalam bentuk softcopy mestilah berformatkan PDF atau JPEG (300dpi).
4. Cadangan karya mestilah satu karya terbaru yang merujuk kepada tema Kuala Lumpur Biennale 2020.
5. Proses dan lakaran karya yang akan dihasilkan (maksimum 5 mukasurat)
6. Saiz karya yang dicadangkan adalah bebas dan bergantung kepada kesesuaian ruang dan persetujuan pengangur. Ukuran karya yang dibungkuskan hendaklah tidak melebihi 2 meter (tinggi) x 2 meter (lebar) x 2 meter (dalam) dan berat tidak melebihi satu tan.
7. Kolaborasi dan kolektif adalah dibenarkan dalam satu penyertaan karya.
8. Perincian visual dalam pameran berbentuk lakaran atau digital mengenai keperluan ruang, teknikal pemasangan karya dan perancangan penyertaan.
- a) Penyertaan video dan media baru hendaklah dibekalkan dengan informasi lengkap sistem dan format yang wajar. Cadangan penyertaan video, tidak melebihi tempoh 5 minit. DVD diutamakan.
9. Kelewatan borang penyertaan tidak akan diterima.
10. Karya hendaklah tidak mempunyai unsur-unsur dan sensitiviti agama, bangsa dan pornografi.

Sebarang pertanyaan untuk penyertaan KUL Biennale 2020 boleh hantar kepada Urusetia KUL Biennale 2020  
**KULBiennale2020@artgallery.gov.my**  
 Informasi permohonan ini juga boleh diperolehi melalui  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)  
[www.facebook.com-klbiiennale](http://www.facebook.com-klbiiennale)  
**Tel : 03 4026 7000**  
**ext 237 (Pn. Intan Rafiza Abu Bakar)**  
**ext 199 (Pn. Ismailiza Badaruddin)**

Tarikh Penghantaran kertas kerja cadangan karya **28 Februari 2020**

# KUL BIENNALE 2020

## TANAH AIR (SA)UDARA

1 Sept. 2020 - 28 Feb. 2021

### MAKLUMAT PERIBADI

Nama

---

No. Kad Pengenalan

---

No. Telefon

---

Email

---

Alamat

---



---

### SENARAI LAMPIRAN

1. CV (curriculum vitae)
2. Biografi ringkas
3. Kertas kerja

I. Tajuk :

II. Saiz : Ukuran (L x H x W) cm

III. Perincian Bahan : Perincian bahan yang digunakan dalam karya

IV. Penerangan : Konsep cadangan, strategi dan perlaksanaan berdasarkan ruang spesifik. (Maksimum 500 perkataan)

V. Proses & Lakaran : Adalah seperti dalam lampiran (maksimum 5 muka surat)

VI. Penglibatan individu lain : Jumlah yang terlibat dan tugasan

VII. Perincian teknikal : Penerangan proses pemasangan yang diperlukan berdasarkan ruang spesifik.